

24 DEC 1997

Mahathir-Krismas

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT HARI KRISMAS

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakyat Malaysia yang beragama Kristian.

Beliau berharap rakyat meneruskan budaya kunjung-mengunjung ke rumah rakan mereka yang menyambut perayaan itu esok.

"Kita bersyukur rakyat kita yang beragama Kristian dapat terus menyambut hari perayaan mereka dalam keadaan aman dan sempurna pada tahun ini," katanya dalam perutusan Hari Krismas yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Menurutnya walaupun negara sedang menghadapi masalah ekonomi, ia tidak menjejaskan suasana sambutan.

"Kita bernasib baik kerana masalah ekonomi yang menimpa kita masih tidak terlalu menekan. Namun rakyat perlu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata dalam keadaan sekarang, rakyat perlu berkorban dan meningkatkan kecekapan serta produktiviti bagi menjamin daya saing negara terus dapat dikekalkan.

Mereka juga hendaklah berjimat-cermat, mengelak pembaziran dan berbelanja untuk membeli barangan yang perlu sahaja, katanya.

"Kerajaan amat bersyukur rakyat memahami masalah yang dihadapi oleh negara dan turut membantu kerajaan dalam usaha-usaha mengatasi masalah yang dihadapi.

"Dengan adanya kerjasama ini dan rakyat terus mengukuhkan perpaduan, saya yakin kita akan dapat mengatasi masalah ekonomi sekarang," katanya. --
BERNAMA

AZZ RON